

PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG



Pengurusan Infrastruktur dan Komuniti Berdaya Tahan (RiCoM)

– Kumpulan Inisiatif Penyelidikan

*Masyitah Md Nujid, Nor Azliza Akbar, Mohd Samsudin Abdul Hamid,
Siti Hafizan Hassan, Kuan Woei Keong dan Siti Rahimah Rosseli*

Pengurusan Infrastruktur dan Komuniti Berdaya Tahan (RiCoM) merupakan entiti kumpulan inisiatif penyelidikan yang berpusat di Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan, UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh ditubuhkan secara rasmi pada 1 November 2024 di bawah Neksus Penyelidikan UiTM (ReNeU), Kluster Tenaga & Alam Sekitar (EE) di bawah urus tadbir Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. RiCoM terdiri daripada enam orang ahli tetap termasuk ketua iaitu Dr Masyitah Md Nujid, dan ahli-ahli tetap iaitu Dr Nor Azliza Akbar, Dr Mohd Samsudin Abdul Hamid, Dr Siti Hafizan Hassan, Dr Kuan Woei Keong dan Siti Rahimah Rosseli. Kumpulan ini turut juga disokong oleh beberapa ahli bersekutu iaitu Dr. Hazrina Ahmad, Dr. Juhaizad Ahmad, Dr. Anas Ibrahim, Ir. Dr. Goh Lyn Dee dan Dr. Salina Alias.

RiCoM mempunyai kepelbagaian kepakaran kejuruteraan terdiri daripada bidang geoteknik, struktur, sumber air dan pengurusan projek dibawah penasihat penyelidikan luar dilantik iaitu Prof. Dr. Roslan Zainal Abidin. Penubuhan RiCoM adalah; i) Meningkatkan daya tahan infrastruktur dan komuniti melalui penyelesaian kejuruteraan yang inovatif, amalan pengurusan bencana yang berkesan, dan strategi pembangunan mampan; ii) Menawarkan kepakaran teknikal dalam pencegahan dan mitigasi bencana kejuruteraan untuk pihak berkuasa dan industri tempatan; iii) Membangunkan dan melaksanakan penyelesaian infrastruktur yang mampan untuk bertahan dan pulih daripada bencana; iv) Menyediakan perkhidmatan perancangan, reka bentuk dan pemantauan yang komprehensif sebelum, semasa, dan selepas kejadian bencana dan v) Mengintegrasikan strategi penyesuaian perubahan iklim ke dalam pelan pengurusan bencana dalam pendekatan pelbagai disiplin yang merangkumi pelbagai disiplin kejuruteraan yang berkaitan dengan pengurusan bencana, termasuk pengurusan sungai, pantai, rupa bumi, jalan raya, bangunan, jambatan dan empangan. RiCoM turut menyokong agenda matlamat pembangunan mampan (*sustainable development goals, SDG*) iaitu SDG 9 (*Industry Innovation Infrastructure*), *Sustainable Cities and Communities* (SDG 11) dan *Climate Action* (SDG 13). RiCoM meletakkan sasaran jangka pendek dan panjang dalam melestarikan penyelidikan melalui pengurusan infrastruktur dan komuniti berdaya tahan.